

SOALAN NO: 19

sehingga 98% kawasan berpenduduk. Setakat Oktober 2017, liputan siaran TV digital telah mencapai anggaran 90% kawasan berpenduduk. Keseluruhan Fasa 2 dijadualkan siap pada suku kedua 2018.

Sehingga Oktober 2017, MYTV telah mengagihkan sejumlah 427,883 unit dekoder menggunakan Pos Laju kepada isi rumah yang layak dan pemberian kepada mereka yang layak juga telah dilaksanakan melalui program Kementerian seperti '*Connecting the Unconnected*' dan program-program lain.

MYTV sedang giat mengagihkan lebihan anggaran 3.8 juta unit dekoder ke seluruh negara sehingga suku kedua 2018.

54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

SOALAN : 20

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kos dan peruntukan yang telah disediakan untuk memperbesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Penang (PIA) dalam tempoh terdekat. Apakah langkah serta-merta untuk mengatasi masalah kekurangan "parking bay" bagi menampung keperluan bilangan pesawat-pesawat tiba dan berlepas yang telah pesat bertambah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 telah bersetuju untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Menerusi projek naik taraf ini, kapasiti penumpang akan meningkat kepada 12 juta penumpang setahun (mppa) berbanding kapasiti terminal sedia ada iaitu 6.5 mppa.

Di samping itu, beberapa langkah yang telah diambil dan akan diambil bagi mengatasi masalah kekurangan parkir pesawat (Parking Bay) adalah seperti berikut:

- (a) bekerjasama dengan 'National Slot Coordinator Malaysia' (NSCM) bagi menyelaraskan dan mengawal jadual penerbangan di semua Lapangan Terbang seluruh Malaysia;
- (b) menambah operasi 'swing-gate' bertujuan meningkatkan kadar 'flexibility' operasi di LTAPP;
- (c) pengubahsuaian terhadap 'parking bay' sedia ada di mana 'wide body parking bay' diubahsuai kepada 'narrow body parking bay'; dan
- (d) telah mewujudkan prosedur khas di mana pesawat 'long-layover' dialih ke 'remote parking bay' yang berdekatan selepas menurunkan penumpang dan akan ditarik semula ke Aerobridge dalam tempoh satu jam sebelum pelepasan.